

ISTIDLAL TIGA ALIRAN PEMIKIRAN ISLAM TERHADAP AMALAN KEAGAMAAN ORANG MELAYU DI MALAYSIA

Ummu Athirah Ahmad Nasri & Latifah Abdul Majid*

Universiti Kebangsaan Malaysia

*ummutyra27@gmail.com**

ABSTRACT

The religious practices of the Malays in Malaysia include beliefs, culture, customs, and a way of life based on Islamic teachings. Islam with its tolerant accepts the customs and cultural traditions of the Malay community but on the condition that they are still within the limits that do not violate the Sharia. One of the practices that is maintained today is treatment using magic water. After the arrival of Islam, this treatment which originally used verses of spells was changed to verses of the Quran and remembrances of Allah SWT. The results of previous studies found that this treatment is accepted by the Malay community and is commonly used to treat 'ain diseases found in humans. However, it became a disagreement among scholars from various Islamic schools of thought when this treatment was carried out on objects such as the act done by a lodge teacher last April. Therefore, this article aims to unravel the issues that occur and identify the istidlal (argument) of each trend involved in debating this issue. The study of this article is a qualitative study that uses the method of content analysis of data obtained through previous studies in the form of journal articles or those that have been published, as well as observations of scientific debates that take place on social media. The results of the study found that the original law for the act of sprinkling water on a new car is desirable or permissible and the law may change if it is done with faith in something other than Allah SWT. In addition, this study also found that the belief of the Modern Salafi school is to practice based on the zahir nas (explicit text) of al-Quran and Hadith while the school of Sufi and Fiqh seeks the combination of reasons and revelation in explaining facts or, in other words, using ta'wil method within the scope of the law.

Keywords: *Islamic thought, Malay religious practice, religious understanding, contemporary Hadith school, splashing water on objects.*

ABSTRAK

Amalan keagamaan Orang Melayu di Malaysia meliputi kepercayaan, budaya, adat istiadat, dan cara hidup yang berlandaskan ajaran Islam. Islam dengan sifat toleransinya masih menerima adat resam dan tradisi budaya atau amalan lama masyarakat Melayu namun dengan syarat masih berada dalam batasan yang tidak melanggar syariat. Salah satu amalan yang dikekalkan sehingga hari ini adalah rawatan menggunakan air jampi. Setelah kedatangan Islam, rawatan ini yang asalnya menggunakan ayat-ayat jampi serapah ditukarkan kepada ayat-ayat al-Quran dan zikir-zikir kepada Allah SWT. Hasil kajian lepas mendapati bahawa rawatan ini diterima oleh masyarakat Melayu dan lazim digunakan untuk merawat penyakit 'ain yang terdapat pada manusia. Namun, menjadi perselisihan dalam kalangan ilmuwan daripada pelbagai aliran pemikiran Islam apabila rawatan ini dilaksanakan ke atas objek seperti perbuatan yang dilakukan oleh seorang tuan guru pondok pada April lalu. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk merungkai isu yang berlaku dan mengenal pasti istidlal setiap aliran yang terlibat dalam membahaskan isu ini. Kajian artikel ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap data yang diperoleh menerusi kajian-kajian lepas yang berbentuk artikel jurnal atau yang telah dibukukan, serta pemerhatian terhadap perbincangan ilmuwan yang berlaku di media sosial. Hasil kajian mendapati bahawa hukum asal bagi perbuatan merenjis air pada kereta baharu adalah harus dan

hukum tersebut boleh berubah sekiranya dilakukan dengan kepercayaan kepada selain Allah SWT. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa pegangan aliran Salafi Moden adalah beramal berdasarkan zahir nas al-Quran dan Hadith, manakala pegangan aliran Sufi dan Fiqh melihat akal juga wahyu saling bekerjasama dalam menjelaskan suatu hakikat atau dengan kata lain adalah menggunakan kaedah pentakwilan namun berada dalam ruang lingkup syariat.

Kata kunci: *pemikiran Islam, amalan keagamaan Orang Melayu, kefahaman beragama, aliran Hadith semasa, renjis air pada objek.*

PENGENALAN

Amalan keagamaan Orang Melayu di Malaysia merujuk kepada cara masyarakat Melayu memahami, mengamalkan, dan mentafsir agama Islam dalam kehidupan seharian. Keagamaan Melayu bukan sahaja tertakluk kepada amalan atau kepercayaan, namun juga meliputi keseluruhan budaya, adat istiadat, dan cara hidup yang berlandaskan ajaran Islam. Selepas kedatangan Islam, segala bentuk keagamaan Melayu yang bercanggah dengan ajaran Islam ditinggalkan secara beransur-ansur manakala keagamaan Melayu yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam dikekalkan dan disesuaikan pelaksanaannya mengikut garis panduan syariat yang mengandungi perkiraan hukum dalamnya (Nisar Mohammad 2020:13). Warisan terpenting yang ditinggalkan oleh umara dan ulama yang berasal dari keturunan ahl al-Bayt Nabi SAW kemudian melahirkan alim ulama yang ramai di Tanah Melayu adalah pegangan fiqh al-Shafi'i, akidah al-Ash'ari, dan tasawuf al-Ghazali (Hasanuddin & Suzana 2019: 119-131). Namun yang demikian, arus pembaharuan dan perjuangan pembebasan atau kemerdekaan yang wujud di India juga Tanah Melayu pada abad ke-19 Masihi telah melahirkan gerakan Islam yang pesat sehingga menyumbang kepada kemunculan aliran-aliran pemikiran dan pandangan mazhab yang rencam di Malaysia (Ahmad Nabil & Tasnim 2023: 112). Aliran utama dalam pemikiran Islam yang mempengaruhi cara umat Islam di Malaysia memahami dan mempraktikkan agama adalah aliran tradisionalis, reformis, dan moden. Aliran-aliran ini terangkum bawahnya pecahan aliran yang memiliki manhaj tersendiri dalam usaha memahami Islam walaupun kesemua daripadanya menerima al-Quran dan Hadith sebagai rujukan utama (Mohd Radhi 2023: 78), kemudian ada kalanya menimbulkan kekeliruan juga pertelingkahan kerana pertembungan pandangan yang berbeza. Menurut Fauzi et al. (2020: 4), aliran yang dimaksudkan adalah seperti aliran Fiqh, Sufi, majoriti ulama Hadith, Salafi Moden, rasional, dan menyimpang.

Islam dengan sifat toleransinya masih menerima adat resam dan tradisi budaya atau amalan lama masyarakat Melayu namun dengan syarat masih berada dalam batasan yang tidak melanggar syariat. Salah satu amalan yang dilakukan sejak zaman masyarakat Melayu lama adalah rawatan menggunakan air jampi. Selepas kedatangan Islam, rawatan cara ini masih digunakan namun diubah daripada bacaan ayat-ayat jampi serapah yang kemudiannya ditiup dalam air kepada bacaan al-Quran atau zikir kepada Allah SWT. Rawatan ini dikenali sebagai rawatan Islam dan dinamakan sebagai ruqyah. Hasil penelitian kajian lepas menemui bahawa rawatan ini tidak asing dengan masyarakat Islam di Malaysia. Mohd Zaki & Nur Azuki (2021: 45-50) dalam tinjauan amalan perubatan komplimentari Islam dalam kalangan masyarakat Melayu di Kelantan mendapati bahawa perubatan ini makin mendapat tempat di hati masyarakat berbanding menggunakan bomoh. Mustafa Kamal et al. (2023: 40-46) dalam kajiannya berkaitan konsep perubatan, pengubatan, dan rawatan spritual Islam mendapati bahawa Islam melihat penyakit yang dihadapi manusia dari dua posisi iaitu fizikal dan rohani maka rawatan untuk penyakit rohani adalah dengan bacaan ayat-ayat al-Quran, doa-doa, dan pengamalan perawat yang tidak bercanggah dengan akidah, syariah, serta akhlak Islam. Mohd Azim Hakim et al. (2022: 76-85) dalam mengenal pasti signifikan pemilihan ayat al-Quran

sebagai terapi rawatan Autistik mendapati bahawa rawatan menggunakan ayat al-Quran ini juga menyembuhkan manusia terutama dalam masalah tingkah laku. Malah, rawatan Islam cara ini juga lazim digunakan dalam merawat penyakit 'ain (Mohamad Khairul Faiz & Khadher 2020). Namun begitu, polemik berlaku dalam kalangan ilmuwan apabila tersebar rawatan cara ini dilakukan ke atas objek oleh seorang tuan guru sehingga menjadi suatu isu yang menimbulkan perpecahan antara masyarakat Melayu di Malaysia. Ilmuwan yang terlibat mewakili aliran pemikiran Islam yang dominan di Malaysia iaitu aliran Salafi Moden, Sufi, dan Fiqh.

METODOLOGI

Objektif kajian ini adalah untuk merungkai isu perbuatan merenjis air pada kereta baharu yang dilakukan oleh seorang tuan guru masyhur dalam pengajian turath atau pondok dan mengenal pasti istidlal aliran pemikiran Islam tertentu yang terlibat dalam membahaskan isu ini. Kajian artikel ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap data yang diperoleh menerusi kajian-kajian lepas yang berbentuk artikel jurnal atau yang telah dibukukan, serta pemerhatian terhadap perbahasan yang berlaku dalam kalangan ilmuwan di media sosial. Rujukan utama yang digunakan dalam mencapai objektif kajian adalah perbahasan melalui penulisan ilmuwan dalam Facebook, penulisan jabatan mufti dalam laman web rasmi, dan rakaman video ilmuwan di You Tube. Selain itu, kajian-kajian yang telah dibukukan juga menjadi rujukan utama antaranya kajian oleh Umar Muhammad Noor (2021) dengan judul Aliran Kritik Hadith Semasa, kajian Irwan Mohd Subri (2006) dengan judul Aliran al-Hadith dan Aliran al-Ra'y Dalam Fiqh, Integrasi Ilmu Menurut Epistemologi Islam oleh Mohd Radhi Ibrahim (2023), Miftahul Malayu: Sejarah Islam Alam Melayu oleh Hasanuddin Yusof & Tun Suzana Tun Othman (2019), dan Islam Di Alam Melayu oleh (Mahayudin Haji Yahya (2001). Kajian ini memberi maklumat kepada masyarakat berkenaan (i) sejarah ringkas dan ciri-ciri aliran pemikiran Salafi Moden, Sufi, dan Fiqh, (ii) tokoh-tokoh Hadith yang berada dalam tiga aliran tersebut, (iii) hukum perbuatan merenjis air pada kereta baharu dalam pelbagai aspek perbincangan berserta hujah dan dalil yang digunakan, dan (iv) saranan langkah untuk diamalkan apabila menghadapi perselisihan seumpama isu ini.

HASIL DAPATAN

Latar Belakang Aliran Salafi Moden, Sufi, dan Fiqhi

Aliran Salafi Moden merupakan sebuah pemikiran yang berusaha menghidupkan semula amalan keagamaan tiga generasi pertama umat Islam iaitu Sahabat, Tabi'in, dan Tabi' Tabi'in. Penentuan awal kemunculan pemikiran ini menjadi topik perdebatan yang panjang dan salah satunya adalah apabila sekumpulan ulama bermazhab Hanbali pada abad ke-10 Masihi membincangkan amalan di kubur, menolak takwil dan bid'ah, kemudian menisbahkan pandangan mereka kepada Imam Ahmad bin Hanbal (Umar 2021: 58). Menurut Mohd Aizam (2015: 333), aliran ini mula bertapak di Semenanjung Tanah Melayu pada awal abad ke-20 Masihi dengan kemunculan golongan yang dikenali sebagai Kaum Muda kesan daripada pengajian agama di Mekah, Mesir, dan India. Salafi Moden amat dipengaruhi oleh tokoh reformis Ibn Taymiyyah (m. 1328M) yang membawa enam karakter pemikiran iaitu (i) kembali kepada ajaran Salaf al-Salih, (ii) menekankan konsep tauhid, (iii) menyerang semua bentuk ke kafiran, (iv) menetapkan bahawa sumber autoriti yang sah hanyalah al-Quran, Sunnah, dan ijma' Sahabat, (v) menghapus bid'ah dalam akidah dan amalan, serta (vi) mendakwa bahawa sumber Islam tidak berubah sehingga pembentukan hukum baharu sesuai dengan konteks moden yang boleh terus dilakukan oleh individu yang memiliki kepakaran yang memadai (Umar 2021: 59). Aliran ini juga amat dekat dengan pemikiran Zahiri iaitu pemikiran yang berpegang teguh dengan makna literal al-Quran dan Hadith serta menolak

penggunaan qiyas sehingga digelar sebagai al-Nassiyyun, al-Harfiyyun, atau al-Naqliyyun (Mohd Aizam 2015: 334).

Di samping itu, aliran ini mewajibkan untuk beramal dengan Hadith Sahih meskipun tidak mutawatir dalam perkara berkaitan akidah dan hukum, menolak penggunaan Hadith Ahad dalam penetapan akidah, serta menolak Hadith lemah dalam semua aspek keagamaan termasuk fadail al-a'mal dan targhib wa tarhib. Aliran ini memberi kebenaran kepada orang awam untuk bertaqlid dengan mazhab atau ulama namun bagi individu yang mampu mengkaji dalil, sikap mengikat diri kepada satu mazhab walaupun menyalahi dalil iaitu tanpa mengambil hukum secara langsung daripada al-Quran dan Sunnah adalah dilarang. Ibn Baz (m. 1999M) menjelaskan lagi bahawa tidak wajib bertaqlid kepada imam mahab yang empat atau selain daripada mereka walaupun tinggi keilmuannya namun kebenarannya adalah dengan mengikuti al-Quran dan Sunnah, bukan bertaqlid kepada manusia (Umar 2021: 64-66). Menurut Muhammad Nasir al-Din al-Albani (m. 1914M), seorang tokoh Salafi Moden yang masyhur, penerimaan terhadap pandangan yang telah dikemukakan ulama terdahulu tanpa pemikiran kritis terhadap kesahihannya merupakan sikap taqlid yang tidak akademik kerana ketetapan muhaddithin terdahulu adalah pandangan peribadi yang terdedah kepada kesilapan dan boleh dipertikai (Fauzi et al. 2020: 6). Tokoh-tokoh Hadith yang beraliran Salafi Moden selain Ibn Baz dan al-Albani adalah Jamal al-Din al-Qasimi (m. 1914M), Abu al-Ashbal Ahmad bin Muhammad Shakir (m. 1957M), Hammud al-Tuwayjiri (m. 1993M), Ibn 'Uthaymin (m. 2001M), Muqbil Hadi al-Wadi'i (m. 2001M), Ishaq al-Huwayni, 'Ali al-Halabi (m. 2020M), dan ramai lagi.

Aliran Sufi adalah sebuah aliran pemikiran Islam yang banyak berbicara mengenai ilmu tasawuf iaitu ilmu yang menyentuh akhlak dan pembersihan jiwa. Aliran ini memiliki hubungan rapat dengan golongan tasawuf dan tarekat (Fauzi et al. 2020: 9). Menelusuri sejarah Islam, pada abad ke-11 Masihi, pemikiran Sufi bercampur dengan teologi Ash'ari dan fiqh mazhab kemudian membentuk sebuah trilogi tradisional yang menjadi pegangan kebanyakan ulama sehingga hari ini. Teologi Ash'ari diasaskan oleh Abu al-Hasan al-Ash'ari (m. 936M), seorang tokoh ilmu kalam yang bermazhab Shafi'i dan menganut tasawuf mendapat tentangan hebat daripada Hanabilah iaitu ulama mazhab Hanbali. Kebencian Hanabilah terhadap golongan Mu'tazilah melahirkan pandangan negatif terhadap ilmu kalam sehingga mereka mengharamkan semua perbincangan berkaitan dengan ilmu tersebut (Umar 2021: 41-42). Hal ini menjadi faktor kepada konflik yang sering berlaku antara aliran Sufi dan Salafi Moden dalam banyak perkara termasuk takwil, amalan, dan praktik kerohanian (Fauzi et al. 2020: 9-10). Aliran Sufi melihat akal dan wahyu saling bekerjasama dalam menjelaskan suatu hakikat. Sufi menetapkan bahawa topik asas dalam perbincangan akidah mesti dibina atas dalil-dalil al-Quran dan Hadith yang mutawatir. Manakala, Hadith yang berstatus ahad secara asalnya tidak boleh digunakan untuk menetapkan asas akidah namun tidaklah tertolak bilamana disokong oleh ijma', diriwayatkan oleh rangkaian sanad yang terdiri daripada imam-imam yang hafiz dan tidak gharib, atau diriwayatkan menerusi jalur sanad yang diiktiraf sebagai sanad paling sahih (Umar 2021: 47-48).

Selain itu, aliran Sufi tidak menerima Hadith lemah sebagai hujah dalam wacana akidah dan hukum, namun menerima dalam wacana tafsir, adab, targhib wa tarhib, dan fadail al-a'mal dengan syarat Hadith tersebut tidak terlalu lemah, kandungannya termasuk dalam prinsip umum syariat, dan motif amal hanya untuk berjaga-jaga sahaja. Penerimaan Hadith lemah menjadi faktor perluasan konsep bid'ah di sisi mereka dan membahagikan kepada dua iaitu Bid'ah Hasanah dan Bid'ah Sayyiah. Sufi juga berprinsip bahawa amalan yang ditinggalkan Nabi SAW yang diistilahkan dengan al-tark adalah tidak automatik terlarang melainkan jika ditemui larangan secara tersurat. Tokoh-tokoh aliran

Sufi bersepakat membenarkan orang awam untuk memilih salah satu mazhab fiqh atau bertaqlid dengan seorang imam dalam beragama (Umar 2021: 48-49). Tokoh-tokoh Hadith aliran Sufi antaranya Abu al-Fadl ‘Abdullah bin Muhammad Siddiq al-Ghumari (m. 1910M), ‘Abdul Hay bin ‘Abdul Kabir al-Kattani (m. 1962M), ‘Abdul Fattah al-Ghuddah (m. 1997M), Nur al-Din ‘Itr, dan Muhammad ‘Awwamah. Aliran Sufi dilihat sebagai penjaga tradisi dan warisan intelektual abad pertengahan sehingga pengkaji Barat dalam kajian etnografi umat Islam menamakan aliran ini sebagai *Traditional Muslims*, *Neo-traditionalism*, *Traditional Madhhabi*, dan *Late Sunni Tradition* (Umar 2021: 45), bertepatan juga dengan kerangka teori yang dihasilkan oleh Tariq (2004) dalam kajiannya mengenai aliran pemikiran Islam di Barat. Menurut Hasanuddin & Suzana (2019: 212-215), aliran Sufi tersebar secara meluas di Tanah Melayu sejak abad ke-12 Masihi dan ulama Sufi memainkan peranan utama dalam penyebaran, pengembangan, serta pengukuhan agama Islam di Tanah Melayu.

Aliran Fiqh pula adalah aliran yang dipelopori oleh ashab al-Ra’y iaitu golongan fuqaha yang mendalami isu untuk mengetahui aghrad atau maqasid al-shari’ah yang lebih difahami sebagai objektif-objektif syara’, tanpa bersandarkan kepada zahir nas al-Quran dan Hadith semata-mata bahkan menggunakan kekuatan akal fikiran dengan metodologi tertentu yang telah disepakati dan diiktiraf syara’ seperti qiyas (Fauzi et al. 2020: 7). Menurut Irwan (2006: 30-31), ashab al-Ra’y berpendapat bahawa hukum hakam syara’ memiliki alasan yang boleh dicapai menerusi akal atau dipanggil sebagai ma’qulah al-ma’na, merangkumi kepentingan-kepentingan awam, terbina atas kaedah-kaedah yang kukuh iaitu usul muhkamah, dan sebab-sebab yang konsisten iaitu ‘ilal dabitah. Imam al-Shafi’i menggambarkan dua aliran utama yang terlibat dalam perkembangan fiqh sebagai ahl al-Hadith dan ahl al-Qiyas yang merujuk kepada ashab al-Ra’y. Melalui aliran al-Ra’y muncul mazhab yang dikenali sebagai mazhab Hanafi yang dipelopori oleh Imam Abu Hanifah Nu’mān bin Thabit. Manakala melalui aliran al-Hadith, muncul mazhab Maliki yang dipelopori oleh Imam Malik bin Anas, mazhab Shafi’i yang dipelopori oleh Imam Muhammad bin Idris al-Shafi’i, dan mazhab Hanbali yang dipelopori oleh Imam Ahmad bin Hanbal (Ikmal et al. 2022: 208). Ahl al-Hadith dalam aliran Fiqh adalah golongan ulama fiqh yang cenderung untuk berpegang kepada nas al-Quran dan Hadith sahaja dalam proses istinbat mereka. Ketiadaan nas menyebabkan mereka tidak mengeluarkan sebarang fatwa dan hukum (Irwan 2006: 24).

Menurut Ab Latif, ahl al-Hadith lebih tertumpu kepada penghafalan Hadith-hadith serta fatwa Sahabat. Justeru kecenderungan ahl al-Hadith lebih terarah kepada usaha dalam memahami Hadith, athar, dan fatwa dalam kalangan Sahabat RA, kemudian menerapkan pemahaman tersebut dalam melakukan ijtihad terhadap masalah-masalah baharu serta mengambil keputusan untuk bertawaqquf apabila berhadapan dengan nas yang tidak sesuai dan tidak selari dengan pemahaman akal yang sempurna. Manakala, ahl al-Ra’y memahami dan melaksanakan pemerhatian terhadap maksud syara’ serta asas yang menjadi landasan kepada pensyariatian sesuatu hukum yang bertujuan menggapai kemaslahatan umat Islam. Mereka memahami dalil, menyokong sebahagian dalil terhadap dalil yang lain, serta menetapkan hukum bagi masalah yang tiada dalil secara jelas melalui sumber al-Quran dan Sunnah (Ikmal et al. 2022: 215). Seterusnya apabila berbicara tentang pengamalan mazhab di Malaysia, masyarakat awam perlu berpegang dengan satu mazhab mujtahid yang iaitu mazhab al-Shafi’i sepertimana yang turut dilazimi oleh negara-negara lain dalam penentuan hukum fiqh iaitu mazhab Maliki di Maghribi, mazhab Hanafi di India, dan mazhab Hanbali di Arab Saudi (Jabatan Mufti WPKL 2022). Menurut Mohd Aizam (2015: 14-22), anutan beragama di Malaysia adalah seperti yang termaktub dalam Peruntukan Perlembagaan Persekutuan iaitu mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan ahli Sunnah wal Jama’ah dari

segi akidah, syari'ah, dan akhlak. Manakala tradisi aliran beragama adalah merujuk kepada mazhab fiqh al-Shafi'i, teologi akidah al-Ash'ari, dan akhlak tasawuf al-Ghazali.

Isu Perbuatan Merenjis Air pada Kereta Baharu

Kronologi Isu

Polemik perbuatan merenjis air pada kereta baharu timbul di Malaysia pada April 2024 ekoran tersebar suatu video tanpa suara manusia kecuali lagu latar, yang memaparkan seorang ulama Nusantara atau tuan guru merenjis air pada kereta yang kelihatan baharu. Video tersebut tersebar selepas dimuat naik di akaun media sosial Tik Tok atas namanya oleh salah seorang anak murid beliau merangkap pengelola akaun. Perbuatan dalam video tersebut mendapat tuduhan dan komen negatif daripada segelintir masyarakat dengan mengatakan bahawa perbuatan tersebut adalah khurafat, syirik, dan sesat. Segelintir masyarakat yang lain pula menyamakan beliau dengan sami Buddha dan paderi Kristian yang ditemui melaksanakan perbuatan yang serupa. Isu seumpama perbuatan ini pernah dibincangkan dan diselesaikan oleh ulama dan asatizah sebelum ini sama ada di Malaysia atau di negara jiran, Indonesia. Namun, tetap menjadi perselisihan kerana perbuatan tersebut kelihatan janggal pada segelintir masyarakat dan kelihatan biasa pada masyarakat yang lain.

Hujah Tiga Aliran terhadap Isu

Perbuatan ini menjadi isu yang diperdebatkan dalam kalangan ilmuwan Islam di Malaysia dan hujah-hujah yang dikemukakan menunjukkan kecenderungan mereka terhadap aliran pemikiran Islam yang tertentu. Golongan pertama yang cenderung kepada aliran Salafi Moden membawa hujah bahawa perbuatan ini tiada sandaran al-Quran dan Hadith Nabi SAW. PROMediaTAJDID (2024), suatu pertubuhan dakwah yang mengangkat pengamalan Sunnah dan akidah Salaf di Malaysia menganjur untuk mengikut apa yang diajarkan oleh Nabi SAW ketikamana memiliki atau menggunakan kenderaan baharu adalah dengan membaca doa memohon akan kebaikan dan perlindungan daripada kejahatan seperti zahir Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dawud dalam sunannya pada bab Nikah, Hadith no. 2160. Menurut Idris (2024), amalan merenjis air pada kenderaan baharu tiada dalam Islam tidak kira sama ada bertujuan mendapat berkat atau menolak mudarat. Amalan ini tidak pernah dilakukan oleh Nabi SAW dan para sahabat kepada kuda atau unta yang baru dibeli. Justeru itu, perbuatan merenjis kereta baharu dengan air jampi adalah amalan tokok tambah dalam agama dan menyerupai amalan penganut agama yang lain. Menurutnya lagi, amalan merenjis air pada kereta dengan amalan merenjis air jampi kerana terkena penyakit 'ain adalah berbeza.

Zulkifli (2023) pernah membahaskan isu berkaitan dengan menyatakan bahawa pada adat sebahagian pihak, amalan ini dilakukan dengan kepercayaan menolak bala yang bakal menimpa dan melindungi pemilik kereta daripada perkara yang tidak diingini bahkan terdapat dalam kalangan mereka yang meletakkan kaifiyat atau tatacara khusus untuk amalan ini. Perbuatan seperti ini tergolong dalam perkara khurafat kerana dicampur adukkan agama dengan kepercayaan yang mengarut. Justeru itu, perbuatan seperti ini jelas tiada sandarannya daripada al-Quran atau Sunnah Nabi SAW dan galakan yang dinyatakan beliau adalah supaya membaca doa seperti Hadith Abu Dawud dengan meng*qi*askan haiwan tunggangan yang menjadi kenderaan Nabi SAW pada zaman Baginda kepada kereta atau kenderaan lain pada zaman kini. Selain itu, Abdul Kadir (2024) juga menganjur agar masyarakat beramal dengan Hadith Abu Dawud kerana berpendirian bahawa Sunnah Nabi SAW yang perlu diutamakan. Menurutnya, menjadi permasalahan apabila Sunnah Nabi SAW tidak diketengahkan malah perbuatan yang kurang utama pula yang disebar luas apalagi dilakukan oleh agamawan kerana jika perbuatan ini diteruskan pasti masyarakat akan menganggapnya sebahagian daripada Sunnah. Abdul Kadir ketika mengulas isu ini tidak

menafikan bahawa terdapat ulama yang mengharuskan dan ulama yang melarang perbuatan ini dengan alasan tidak dilakukan oleh Nabi SAW.

Golongan kedua yang turut bersama dalam membahaskan isu ini pula cenderung kepada aliran Sufi dan berpendirian bahawa perbuatan tersebut adalah bertujuan untuk menumpang keberkatan orang-orang soleh. Al-Idrus (2024), pengerusi dan mudir sebuah pondok di Rawang yang dikenali sebagai pondok rumi sufi jawi dengan nama Raudhotun Nahdhiyyin menyatakan bahawa perbuatan tersebut tidak melibatkan akidah malah merupakan suatu amalan tabarruk iaitu mengambil berkat daripada orang soleh. Perkara yang melibatkan akidah adalah suatu pegangan atau kepercayaan dan hukum bagi perbuatan merenjis air pada kereta itu adalah harus. Menurutnya, perbuatan tersebut menjadi syirik apabila pelaku beri'tiqad bahawa air bacaan Yasin yang akan menyelamatkan kereta daripada kemalangan. Menurut pengalaman beliau dalam pengajian dan mulazamah bersama tuan guru pondok, tidak ada tuan guru yang beri'tiqad sedemikian. Suatu perbuatan dihukumkan khurafat apabila percaya kepada perkara karut dan suatu perbuatan dihukumkan syirik apabila percaya kepada selain Allah SWT. Muhaizad (2024), seorang pendakwah juga pelajar lepasan pondok yang masyhur di Kelantan dan Darul Musthofa Tarim Hadramaut Yaman menyatakan bahawa amalan mengambil berkat menjadi kebiasaan para Sahabat ketika hayat Nabi SAW dan Nabi SAW pernah merenjis air bekas wuduknya atas belakang Sayyidina Ali RA dan Sayyidatina Fatimah RA ketika perkahwinan kedua-duanya.

Kemudian, golongan ketiga yang cenderung kepada aliran Fiqh dan jabatan yang bertanggungjawab menyelesaikan permasalahan masyarakat berkaitan agama pula memiliki hujah yang pelbagai sama ada mengharuskan atau sebaliknya. Nasaie (2024) berpandangan bahawa perbuatan tuan guru tersebut merupakan ikhtiar dalam perubatan Islam iaitu merawat dengan menggunakan air ruqyah atau air yang dijampi dengan bacaan ayat al-Quran, selawat, dan doa. Beliau mengukuhkan pandangan tersebut dengan membawa kenyataan daripada ulama Salaf dan ulama yang beraliran Salafi dalam isu ini. Ibn al-Qayyim dalam *Madarij al-Salikin* menukilkkan bahawa beliau pernah ditimpa kesakitan sehingga mengganggu dan mematikan pergerakannya ketika tawaf, membaca al-Fatihah lalu meniup ke tapak tangan kemudian menyapu di tempat yang sakit dan dengan izin Allah SWT, kesakitan itu hilang. Beliau berikhtiar dengan cara ini berkali-kali dan pernah melakukan perkara yang sama dengan menggunakan air zamzam lalu meminumnya. Ibn Taymiyyah pula dalam kitab *al-Adab al-Syar'iyyah* menukilkkan riwayat Ibn Imam Ahmad bahawa perbuatan yang seumpama ini juga dilakukan oleh Imam Ahmad kepadanya ketika sakit dengan cara memberi minum air ruqyah dan menjirus air tersebut ke atas badannya. Kedua-dua kenyataan ini memberi pencerahan bahawa adalah menjadi amalan ulama untuk berubat dengan cara menggunakan air ruqyah sama ada dilakukan sendiri atau orang lain.

Di samping itu, terdapat juga fatwa daripada masyaikh Saudi yang menganjurkan untuk meruqyah kenderaan yang terkena 'ain dengan cara rawatan penyakit 'ain iaitu memandikan kenderaan tersebut dengan bekas air mandi atau bekas air wudhu' orang yang menjadi punca 'ain tersebut. Jika tidak diketahui puncanya, diharuskan untuk menggunakan air ruqyah dengan membasuh atau merenjis ke atas kenderaan tersebut atau dimasukkan ke dalam radiator kenderaan (al-Munajjid 2011). Menurut Azhar (2018) dalam satu kuliah agama, hukum amalan menyiram air bacaan Yassin pada kereta adalah harus kerana mengambil qiyas, malahan itu amalan yang qat'i dan tiada khilaf adalah solat hajat dan berdoa. Namun begitu, amalan meniup ayat al-Quran atau zikir dalam air adalah perubatan yang pernah diajarkan Nabi SAW kepada para Sahabat sama ada dijirus atas kepala atau dijadikan mandian dan hal ini dinyatakan dalam kitab-kitab Tib al-Nabawi. Menurut Jabatan Mufti WPKL (2024), permasalahan ini dirujuk pada Hadith Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam sahihnya pada kitab *al-Tib wa al-Ruqa* berkenaan penyakit 'ain. Sebahagian ulama menyebutkan bahawa penyakit 'ain boleh menimpa haiwan dan benda-benda yang tidak bernyawa seperti pokok, batu, kereta, dan seumpamanya. Maka salah satu ikhtiar adalah

dengan memandikan atau membilas dengan air berdasarkan Hadith Nabi SAW sepertimana yang dibincangkan ulama terdahulu dalam Mausu'ah Syar'iyah fi 'Ilm al-Ruqa bahawa diharuskan membaca beberapa zikir, wirid, dan ta'awuz pada air kemudian direnjiskan pada rumah yang terdapat jin dan syaitan.

Jabatan Mufti Pulau Pinang juga pernah menjawab permasalahan ini pada tahun 2019 menyatakan bahawa penentuan hukum perlu diperhalusi dari pelbagai sudut dengan berdasarkan nas al-Quran dan al-Sunnah sama ada bertujuan meniru budaya golongan bukan Islam, memenuhi upacara pemujaan dan kepercayaan, atau sebagai ikhtiar dengan ruqyah kerana disyaki terkena 'ain (Jabatan Mufti Pulau Pinang 2019). Syamil (2024), Ketua Pegawai Eksekutif Institut Ulama al-Juwani yang berlatarbelakang bidang Usul Fiqh juga turut membahaskan isu ini dengan panjang. Beliau menyatakan keharusan boleh wujud dengan pelbagai kaedah, dalil, dan jalan selagimana suatu amalan itu tidak menjadi kelaziman atau kemestian serta tidak diangkat menjadi syiar dalam agama. Sesuatu amalan menjadi bid'ah bilamana diangkat menjadi syiar agama iaitu suatu lambang dalam agama. Selain daripada syiar yang diwarisi secara nas, perkara lain walaupun tidak disabitkan secara qiyas, tidak boleh diangkat sebagai syiar seperti menyambut kehadiran kereta baharu secara khusus dengan upacara yang khusus kemudian diuar-uarkan kepada seluruh masyarakat mengenainya. Justeru, merujuk pada isu ini, dikategorikan sebagai amalan tabarruk, mengambil keberkatan orang soleh, mengambil sebab dan tafa'ul iaitu optimis sebagai salah satu daripada ribuan sebab mengapa sesebuah kereta tersebut boleh selamat dari sebarang bala. Selagimana tidak masuk dalam kategori syiar maka perkara itu kekal dalam ruang lingkup harus.

Hadith yang Menjadi Sandaran Hujah

Hujah yang dikemukakan oleh setiap aliran dalam membahaskan isu merenjis air pada kereta baharu adalah bersandarkan kepada nas al-Quran dan Hadith. Pendalilan yang dibawa pula bergantung kepada cara pandang dan pemahaman terhadap perkara yang menjadi permasalahan. Aliran Salafi Moden dalam isu ini berpegang kepada Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dawud pada Kitab al-Nikah, no. Hadith 2160 dalam Sunannya dan Ibn Majah juga pada Kitab al-Nikah no. Hadith 1918 dalam Sunannya seperti berikut:

وَعَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا تَزَوَّجَ أَحَدُكُمْ امْرَأَةً أَوْ اشْتَرَى خَادِمًا فَلْيُقَلِّبْهُمُ إِلَيَّ أَسْأَلُكَ خَيْرَهَا وَخَيْرَ مَا جَبَلْتَهَا عَلَيْهِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهَا وَشَرِّ مَا جَبَلْتَهَا عَلَيْهِ وَإِذَا اشْتَرَى بَعِيرًا فَلْيَأْخُذْ بِدُرْوَةِ سَنَامِهِ وَلْيُقَلِّبْ مِثْلَ ذَلِكَ.

Maksudnya: *Daripada datuknya (Amru bin Shu'ayb), daripada Nabi SAW, sabdanya, "Apabila seseorang daripada kamu mengahwini seorang wanita atau membeli seorang hamba, hendaklah dia berkata (dengan berdoa), "Ya Allah, aku memohon kepada Mu kebajikannya dan kebaikan yang Engkau jadikan ke atasnya, dan aku berlindung dengan Mu daripada kejahatannya dan kejahatan yang Engkau jadikan ke atasnya." Dan apabila membeli unta, maka peganglah puncak bonggolnya dan berkatalah seperti itu (doa yang sama)."*

Hadith ini bertaraf Hasan dan menjadi satu-satunya dalil untuk beramal ketika memiliki kereta baharu menurut ilmuwan aliran Salafi Moden. Bilamana tidak ditemui Hadith yang menganjurkan perbuatan selainnya khusus dengan cara merenjis air, maka perbuatan tersebut ditolak serta merta. Pada hakikatnya, unta yang disebutkan secara jelas dalam Hadith juga diqiyaskan kepada kenderaan yang wujud pada hari ini. Seterusnya, aliran Sufi pula melihat perbuatan tuan guru berkemungkinan disebabkan oleh permintaan muridnya. Cara pandang aliran Sufi adalah dari aspek yang berbeza iaitu bertujuan mengambil berkat orang soleh. Hasil penelitian

mendapati bahawa terdapat banyak Hadith yang menjadi sandaran kepada hujah ini antaranya adalah:

حَدَّثَنَا الْحُسَيْنُ بْنُ مُحَمَّدٍ، قَالَ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْأَنْصَارِيُّ، قَالَ حَدَّثَنِي أَبِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الْمُثَنَّى، عَنْ ثُمَامَةَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَنَسٍ، عَنْ أَنَسٍ، أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ كَانَ إِذَا فَحَطُوا اسْتَسْقَى بِالْعَبَّاسِ بْنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ فَقَالَ اللَّهُمَّ إِنَّا كُنَّا نَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِبَنِيْنَا فَتَسْقِينَا وَإِنَّا نَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِعَمِّ بَنِيْنَا فَاسْقِنَا. قَالَ فَيُسْقَوْنَ.

Maksudnya: *Daripada Anas, bahawa Umar bin al-Khattab RA apabila berlakunya kemarau, meminta dengan 'Abbas bin 'Abdul Mutalib (akan hujan kepada Allah SWT). Lalu Umar berkata: "Ya Allah, kami dahulunya bertawassul kepada Mu dengan Nabi kami lalu Engkau menurunkan hujan kepada kami. Sesungguhnya sekarang kami bertawassul dengan bapa saudara Nabi kami, maka turunkanlah hujan kepada kami". Dia berkata, "Kemudian hujan turun".*

Hadith di atas berstatus Sahih, diriwayatkan oleh Bukhari dalam Sahihnya pada Kitab al-Istisqa, no. Hadith 1010. Hadith ini ditakwilkan sebagai dalil keharusan meminta doa daripada orang soleh. Hadith lain yang menjadi sandaran hujah aliran Sufi adalah:

حَدَّثَنِي إِبرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى، أَخْبَرَنَا هِشَامٌ، عَنْ مَعْمَرٍ، عَنِ الرَّهْرِيِّ، عَنْ عُرْوَةَ، عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَنْفُثُ عَلَى نَفْسِهِ فِي الْمَرَضِ الَّذِي مَاتَ فِيهِ بِالْمَعْوَذَاتِ، فَلَمَّا ثَقُلَ كُنْتُ أَنْفُثُ عَلَيْهِ يَمِينًا، وَأَمْسَحُ بِيَدِهِ نَفْسَهُ لِيَرَكْتَهَا. فَسَأَلْتُ الرَّهْرِيَّ كَيْفَ يَنْفُثُ قَالَ كَانَ يَنْفُثُ عَلَى يَدَيْهِ، ثُمَّ يَمْسَحُ بِهِمَا وَجْهَهُ.

Maksudnya: *Daripada Aisyah RA, bahawa Nabi SAW mengubati dirinya Ketika baginda sakit yang menyebabkan baginda wafat (adalah) dengan membaca mu'awwizat (iaitu surah al-Ikhlash, al-Falaq dan al-Nas). Manakala ketika Nabi SAW dalam keadaan tenat saya membacakan mu'awwizat dan meniupkannya serta menyapu dengan tangan Baginda kerana keberkatannya." (Ma'mar) kemudian bertanya kepada al-Zuhri, "Bagaimana Nabi SAW meniup?," (Al-Zuhri) berkata, "Baginda meniup ke atas kedua-dua tangannya lalu menyapu ke mukanya."*

Hadith di atas diriwayatkan oleh Bukhari pada Kitab Tib dalam Sahih Bukhari, no. 5735. Kemudian diriwayatkan oleh Muslim pada Kitab al-Salam, no. Hadith 2192 dalam Sahih Muslim dan Abu Dawud pada Kitab al-Tib, no. Hadith 3902 dalam Sunan Abi Dawud dengan sanad dan matan yang sedikit berbeza daripada Bukhari. Hadith ini dihukum Sahih dengan banyaknya sanad. Hadith ini juga menjadi salah satu dalil kepada hujah aliran Fiqh yang melihat perbuatan merenjis air pada kenderaan oleh tuan guru tersebut adalah sebagai ikhtiar dengan menggunakan kaedah ruqyah. Ikhtiar ruqyah ini perlu difahami bahawa pelaksanaannya adalah dengan kalimah-kalimah yang tidak menyalahi tauhid iaitu ikhtiar yang dilaksanakan dengan pergantungan harapan kepada Allah SWT. Hadith selainnya yang menjadi sandaran hujah ruqyah dengan air adalah Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam Sahihnya pada Kitab al-Salam no. Hadith 2188 dan berstatus Sahih. Hadith tersebut ialah:

وَحَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ الدَّارِمِيُّ، وَحَجَّاجُ بْنُ الشَّاعِرِ، وَأَحْمَدُ بْنُ خِرَاشٍ، قَالَ عَبْدُ اللَّهِ أَخْبَرَنَا وَقَالَ الْأَخْرَانِ، حَدَّثَنَا مُسْلِمُ بْنُ إِبرَاهِيمَ، قَالَ حَدَّثَنَا وَهَيْبٌ، عَنِ ابْنِ، طَاوُسٍ عَنْ أَبِيهِ، عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الْعَيْنُ حَقٌّ وَلَوْ كَانَ شَيْءٌ سَابَقَ الْقَدَرَ سَبَقْتَهُ الْعَيْنُ وَإِذَا اسْتَعْسَلْتُمْ فَاعْسِلُوا.

Maksudnya: *Daripada Ibn 'Abbas, daripada Nabi SAW, sabdanya, "Penyakit al-'Ain itu benar. Jika ada sesuatu yang menjangkau qadar maka 'ain lah (yang dapat menjangkauinya). Jika diminta kepada kamu untuk mandi (untuk penyembuhan), maka hendaklah kamu mandi."*

RUMUSAN

Kesimpulannya, isu ini menemui konteks perbincangan yang luas dan perlu dilaksanakan secara menyeluruh. Jika diperhatikan, punca kekeliruan dalam masyarakat terhadap sesuatu permasalahan yang berkaitan agama adalah kerana ketidak arifan dalam perkara tersebut, maka penjelasan yang perlu diberikan adalah suatu yang membawa kepada keharmonian. Manakala punca perdebatan dalam kalangan ilmuwan khususnya dalam isu ini adalah kerana cara pandang yang berbeza serta pengaruh pemahaman aliran pemikiran masing-masing. Isu yang dibincangkan dalam artikel ini boleh dikategorikan sebagai isu khilafiyah iaitu isu yang terdapat padanya perselisihan dalam kalangan ulama terdahulu. Hal ini adalah kerana setiap aliran pemikiran Islam yang dipelopori oleh ulama terdahulu memiliki pendirian atau manhaj yang tersendiri dalam memahami teks al-Quran dan Hadith. Aliran Salafi dikenal pasti cenderung mengambil makna secara tersurat pada teks kedua-dua sumber utama masyarakat Islam ini. Manakala aliran Sufi dan Fiqh cenderung mengambil makna secara tersirat pada hukum yang jelas dinyatakan dalam teks dan mengambil makna secara tersirat pada hukum yang tidak dijelaskan nyata bergantung kepada 'uruf tempat dan kemaslahatan masyarakat. Merujuk kepada isu merenjis air pada kereta baharu, perbuatan ini adalah harus bilamana dilakukan dengan tujuan ruqyah atau mengambil keberkatan doa orang soleh sebagai salah satu usaha perlindungan atau kebaikan daripada banyak usaha yang boleh dilakukan. Namun, perlu dipastikan kedua-dua tujuan tersebut diserahkan kembali kepada Allah SWT atau dengan kata lain i'tiqad hanya kepada Allah SWT. Meskipun begitu, sekiranya pilihan tidak cenderung kepada kedua-dua tujuan ini, memadailah dengan membaca doa seperti yang ditemui dalam Hadith Nabi SAW atau doa-doa lain yang tiada unsur syirik kepada Allah SWT. Isu ini menjadi suatu implikasi buruk kepada masyarakat Islam yang kurang 'arif berkaitan perkara khilafiyah namun mendatangkan implikasi baik kepada mereka bilamana rentetan daripada isu ini menjadikan perbincangan ilmu yang berwarna warni. Hal ini menambahkan kecaknaan dan pengetahuan masyarakat Islam secara umumnya. Satu saranan sebagai langkah berhati-hati adalah masyarakat Islam perlu merujuk kepada institusi agama yang berautoriti dalam menerangkan hukum agama seperti jabatan-jabatan mufti apabila timbul permasalahan berkaitannya yang mengelirukan. Merujuk Tuan Guru Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, mantan Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mantan Menteri Agama di Jabatan Perdana Menteri Malaysia pada sesi 2020/ 2021, masyarakat awam perlu mengikut pandangan mujtahid iaitu ahli ilmu yang telah menguasai pelbagai disiplin ilmu dalam mengistinbat dan mengeluarkan sesuatu hukum. Masyarakat awam tidak boleh menetapkan hukum mengikut hematnya sendiri, bahkan perlu berpegang kepada pandangan sesuatu mazhab mengikut kebiasaan sesebuah kawasan dan untuk Malaysia adalah mazhab al-Shafi'i.

RUJUKAN

- Abdul Kadir Sahak. (2024). *Isu Renjis Air pada Kenderaan: Ada Sunnah yang Lebih Besar Sepatutnya Diutamakan* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=GC1vvG4ZB5g>
- Ahmad Nabil Amir & Tasnim Abdul Rahman. (2023). Gerakan Islam di Malaysia: Sejarah dan Tradisi. *Rabban'fa: Jurnal Ilmu Wahyu*, 4(2), 111–125.
- Al-Bakri, Zulkifli Mohamad. (2023, June 2). *Mandikan Kereta dengan Air Yasin*. Maktabah al-Bakri. <https://maktabahalbakri.com/1750-mandikan-kereta-dengan-air-yasin/>
- Al-Idrus, Faiz. (2024, May 2). *Jawapan Hamba untuk Para Penghina Tuan Guru Baba Haji Ismail Spanjang Al-Fathoni* [Status update]. Facebook. <https://fb.watch/rW1wKYV9IJ/>

- Al-Munajjid, M.S. (2011, March 31). *La Haraja fi Ruqyah al-Hayawan wa al-Jamad li Ilaj al-‘Ain*. Islamqa Info. <https://islamqa.info/ar/answers/164906/-لاج-في-رقية-الحيوان-والجماد-لعلاج-العين>
- Azhar Idrus. (2018). *Siram Air Bacaan Yassin Pada Kereta - Ustaz Azhar Idrus Official* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=u4Hrqol3WG0>
- Fauzi Deraman, Khadher Ahmad, & Mohd Farhan Md Ariffin. (2020). Aliran Kontemporari dalam Pengajian Sunnah Nabawiah. *Jurnal Ilmu Pendidikan*, 7(2), 809–820.
- Hasanuddin Yusof & Suzana Othman. (2019). *Miftahul Malayu: Sejarah Islam Alam Melayu*. Penerbit Alami Sdn Bhd.
- Idris Sulaiman. (2024, May 1). *Renjis Air Kereta* [Status update]. Facebook. <https://www.facebook.com/photo/?fbid=10228600825557431&set=a.10208309903137052>
- Ikmal Adnan, Mukhlis Mustaffa, & Ismail Abd Halim. (2022). Perkembangan Aliran al-Ra'yi dan al-Hadith serta Usaha Pembentukan Mazhab Fiqh Kontemporari. *Rabbanfa*, 3(1), 203–220.
- Irwan Mohd Subri. (2006). *Aliran al-Hadith dan Aliran al-Ra'y Dalam Fiqh*. Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Jabatan Mufti Pulau Pinang. (2019). *Persoalan: Hukum Siram Air Jampi pada Kenderaan (00668)*. http://ekemusykilan.penang.gov.my/bank_detail.php?id=668
- Jabatan Mufti WPKL. (2022, December 6). *Irsyad Usul Fiqh Siri ke-70: Pengamalan Pendapat Mazhab atau Majoriti Fuqaha di Malaysia*. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-usul-fiqh/5466-irsyad-usul-fiqh-siri-ke-70-pengamalan-pendapat-mazhab-atau-majoriti-fuqaha-di-malaysia>
- Jabatan Mufti WPKL. (2024, April 30). *Al-Kafi #1984: Pandangan berkaitan Isu Merenjis atau Membilas Kenderaan dengan Air Ruqyah*. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/5904-al-kafi-1984-pandangan-berkaitan-isu-merenjis-atau-membilas-kenderaan-dengan-air>
- Mahayudin Yahaya. (2001). *Islam Di Alam Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Khairul Faiz Mohd Khadzali & Khadher Ahmad. (2020). Penyakit ‘Ain dalam Perspektif Hadith dan Masyarakat Melayu. *Jurnal Usuluddin*, 48(2), 133–173.
- Mohd Aizam Mas'od. (2015). *Diskusi Isu Aqidah Dan Pemikiran Semasa Di Malaysia* (Cetakan Kedua). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd Azim Hakim Ibrahim, Khadher Ahmad, & Mustafa Abdullah. (2022). Signifikan dalam Pemilihan Ayat al-Quran sebagai Terapi dalam Rawatan Autistik secara Umum. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(3), 76–85.
- Mohd Radhi Ibrahim. (2023). *Integrasi Ilmu Menurut Epistemologi Islam* (Cetakan Kedua). Penerbit USIM.
- Mohd Zaki Yusof & Nur Azuki Yusuff. (2021). Tinjauan Amalan Pengubatan Komplimentari Islam dalam Kalangan Masyarakat Melayu di Kelantan. *International Journal of Education, Islamic Studies and Social Science Research (IJEISR)*, 6(1), 45–50.
- Mohd Zaki Zulkifli. (2024, April 28). *Mandikan Kereta yang Baru Beli* [Status update]. Facebook. <https://www.facebook.com/profile/100000691456227/search/?q=renjis>
- Muhaizad Muhamad. (2024). *Hukum Renjis Air Solat Hajat pada Kereta* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=mxlzTSP1zGg>

- Mustafa Kamal Amat Misra, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Ahmad A'to'a Mokhtar, Halim Mokhtar, Muhammad Faiz Mukmin Abd Mutalib, Mohd Hakim Arshad, Mohd Safarudin Rahim, & Noor Razaiha Noor Mohama. (2023). Perubatan, Pengubatan, Rawatan Spiritual Islam (RSI): Pengenalal Awal. *Isu-Isu Pengajian Islam Di Era Globalisasi* (2023). hlm. 40–46. Penerbit FPPI.
- Nasaie Hanafi. (2024, April 29). *Air Tawar aka Air Ruqyah* [Status update]. Facebook. <https://www.facebook.com/nasaie.hanaffie/posts/pfbid02bypYgJrrMrZpA7N2hVso7Zhvg2rbFuyuf7AgYZniN76WmeVx6WyHm8ePCGFbvDjYl>
- Nisar Mohammad Ahmad. (2020). Definisi Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Kesannya Terhadap Kefahaman dan Amalan Ajaran Islam di Malaysia. *Sains Insani*, 5(2), 9–16.
- PROmediaTAJDID. 2024. *Doa Ketika Memiliki/ Menggunakan Kenderaan Baru Sambil Menyentuhnya* [Status update]. Facebook. <https://www.facebook.com/promediatajdidoriginal/posts/pfbid02s7m4dZB5XGN8nzXLx2C1xaGwkqsKNp7XujUznUtgpMHjVCJAbmakMSDssapCSTaNI>
- Syamil Esa. (2024, May 3). *Sekilas Pandangan terhadap Merenjis Air Ruqyah ke Kereta* [Status update]. Facebook. <https://www.facebook.com/syamil.esa/posts/pfbid02tnxqRDquXUdGhXp34sfgThgWK7uTyd2MYts2mQr7C5eXeoRNLqoJcV7G5SntBB87l>
- Tariq Ramadan. (2004). Six Major Tendencies. *Western Muslims And The Future Of Islam*. Oxford University Press.
- Umar Muhammad Noor. (2021). *Aliran Kritik Hadith*. Penerbit Universiti Malaya.
- Zafrullah. (2024, April 29). *Biodata Tuan Guru Baba Ismail Sepanjang Al-Fathoni* [Status update]. Facebook. <https://www.facebook.com/zafrullah.zafrullah/posts/pfbid02Cn2rfY48rbZkYgmUiKgVSNpxRSp72cxmV7k7k7jwXYDxntR598U7FTw5qC2zXtchHwl>